# PERATURAN PEMARKAHAN

## BAHAGIAN A

Semoga berjaya daripada telegram@soalanpercubaanspm

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 1. | تبين | [1 markah] |
| 2. | واجب | [1 markah] |
| 3. | ڤوساك | [1 markah] |
| 4. | 100 كالي سبتن دان دبواڠ دائره<br>* 100 kali sebatan sahaja diterima<br>* Buang daerah sahaja tidak diterima | [1 markah] |
| 5. | تخيير | [1 markah] |
| 6. | كراهة/ مكروه | [1 markah] |
| 7. | مقيد | [1 markah] |
| 8. | تيدق صح | [1 markah] |
| 9. | حج قران | [1 markah] |
| 10. | الشافعي | [1 markah] |
| 11. | مهر | [1 markah] |
| 12. | فسخ | [1 markah] |
| 13. | خطبة | [1 markah] |
| 14. | بيع السلم | [1 markah] |
| 15. | القرض | [1 markah] |
| 16. | ربانية | [1 markah] |
| 17. | x | [1 markah] |
| 18. | √ | [1 markah] |
| 19. | x | [1 markah] |
| 20. | x | [1 markah] |



CamScanner

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHAGIAN B**

| NO. SOALAN | | | SKEMA | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| **1** | (a) | (i) | **Dua** tuntutan hukum dalam ayat diatas:<br>▪ Wajib memelihara kehormatan diri<br>▪ Wajib menutup aurat daripada pandangan bukan mahram<br>▪ Harus memperlihatkan perhiasan diri kepada mahram<br>*Hanya jawapan yang terdapat hukum taklifi sahaja diterima | 2 isi x 1 M = 2 M |
| | | (ii) | Sebab nuzul ayat 30 surah an-Nur:<br>▪ Kisah seorang lelaki pada zaman Rasulullah S.A.W di Kota Madinah<br>▪ Lelaki tersebut saling bertentang mata dengan seorang wanita membuatkan masing – masing terpikat<br>▪ Ketika dalam perjalanan, beliau telah terlanggar tembok sehingga berdarah dan beliau tidak mengesat darah tersebut<br>▪ Apabila sampai di rumah Rasulullah S.A.W,dia mengadu hal tersebut. Maka turunlah ayat. | 4 isi x 1 M = 4 M |
| | (b) | | **Dua** langkah yang sepatutnya dilakukan oleh pihak sekolah bagi menangani isu murid yang terjebak dengan menonton video lucah dan gambar porno:<br>▪ Mengadakan sesi kaunseling terhadap murid yang terlibat/ supaya tabiat yang membawa dosa itu dapat dibanteras<br>▪ Mengenakan tindakan tegas kepada penonton video lucah/ agar menjadi iktibar kepada murid yang lain<br>▪ Mana – mana jawapan yang munasabah diterima | 2 isi x 2 M = 4 M |



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | Pendapat bagi memastikan remaja muslim sentiasa memelihara maruah diri:<br><br>**KRITERIA** / **SKOR**<br>Isi – 1 markah<br>Huraian – 1 markah<br>Huraian lengkap ( dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama' ) – 1 markah<br>Penerangan huraian lengkap – 1 markah<br>Kesimpulan ringkas – 1 markah<br>Kesimpulan lengkap ( Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan ) – 1 markah<br><br>Contoh jawapan:<br><br>**KRITERIA** / **SKOR**<br>Ibu bapa memberikan penekanan kepada pendidikan agama sejak dari kecil – 1 markah<br>Agar anak-anak mengetahui cara menjaga maruah dan kehormatan diri – 1 markah<br>Berdasarkan petikan dari Bernama, remaja yang kurang pendidikan agama akan mudah terjerumus dalam maksiat dan dosa. – 1 markah<br>Petikan akhbar tersebut membuktikan sekiranya ibu bapa gagal mendidik anak-anak mereka ,maka hasrat untuk melahirkan generasi bertaqwa akan terbantut – 1 markah<br>Oleh itu setiap umat Islam wajib mempunyai akhlak yang mulia – 1 markah<br>agar hidup mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah SWT. – 1 markah<br>Mana – mana jawapan yang munasabah diterima | 6 isi x 1 M<br>= 6 M |
| | (d) | | **Dua** hujah menjaga kehormatan diri dapat membendung berlakunya masalah sosial:<br>▪ Remaja yang menjaga maruah diri dapat mengelakkan diri/ daripada terjerumus ke dalam kancah perzinaan<br>▪ Seseorang itu dapat mengetahui batas – batas pergaulan/ antara lelaki dan perempuan yang ajnabi<br>▪ Mana – mana jawapan yang munasabah adalah diterima | 2 isi x 2M<br>= 4 M |



CamScanner

| NO. SOALAN | | | SKEMA | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | Wakaf ialah menahan harta yang kekal bentuknya (zatnya) yang boleh diambil manfaatnya untuk kebaikan. | 2 isi x 1 M = 2 M |
| | | (ii) | Cara ulama' mengistinbat hukum wakaf<br>▪ Berdasarkan lafaz انْ شِئْتَ حَبَسْتَ<br>▪ Rasulullah S.A.W menggalakkan Umar untuk mewakafkan tanahnya<br>▪ Galakan berwakaf bukan ditujukan kepada Umar sahaja tetapi bersifat umum untuk semua umat Islam<br>▪ Oleh itu,hukum berwakaf adalah sunat untuk kemaslahatan dan kepentingan umat Islam | 4 isi x 1 M = 4 M |
| | (b) | | **Dua** syarat harta wakaf:<br>▪ Harta yang diwakafkan merupakan harta yang halal<br>▪ Harta yang diwakafkan merupakan harta yang kekal manfaatnya<br>▪ Harta tersebut merupakan milik pewakaf yang sah, boleh dipindah milik dan boleh dimanfaatkan.<br>▪ Harta yang ditentukan dan jelas kewujudan seperti sebuah rumah di taman perumahan | 2 isi x 2 M = 4 M |
| | (c) | | **Dua** hikmah wakaf kepada individu:<br>▪ Mendekatkan diri kepada Allah / kerana membelanjakan harta ke jalan Allah<br>▪ Menanamkan sifat pemurah dan suka berinfak/ semata-mata kerana Allah. | 2 isi x 2 M = 4 M |
| | (d) | (i) | Isu tersebut boleh berlaku:<br>▪ Tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan wakaf masih rendah<br>▪ Kurang penyebaran maklumat di media sosial berkaitan kelebihan wakaf | 1 isi x 2M = 2 M |



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Wakaf: | 4 isi x 1 M = 4 M |

| KRITERIA | SKOR |
|---|---|
| Isi | 1 markah |
| Huraian | 1 markah |
| Huraian lengkap ( dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama' ) | 1 markah |
| Kesimpulan lengkap ( Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan ) | 1 markah |

Contoh jawapan :

| KRITERIA | SKOR |
|---|---|
| Pihak kerajaan perlu menyebarkan maklumat tentang kepentingan berwakaf | 1 markah |
| Supaya dapat menarik minat umat Islam untuk berwakaf | 1 markah |
| Ini bertepatan dengan mafhum hadith Rasulullah S.A.W yang menggalakkan Saidina Umar untuk berwakaf | 1 markah |
| Oleh itu, umat Islam perlu memahami tentang kelebihan wakaf supaya harta wakaf dapat dimanfaatkan untuk kemaslahatan umat Islam | 1 markah |

Mana – mana jawapan munasabah diterima



CamScanner

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>SKEMA</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Sembelihan ialah menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan/ dengan menggunakan alat yang tajam/ samada dengan cara memutuskan urat halkum dan marikh menurut syarak<br>*Urat halkum & marikh wajib ada</td><td>2 isi x 1 M<br>= 2 M</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua kepentingan sembelihan terhadap pembentukan sahsiah:<br>▪ Mendapat jiwa yang tenang dan bersih /dengan memakan makanan yang halal<br>▪ Mendapat keredhaan Allah/dengan memakan makanan yang dibenarkan oleh syarak<br>▪ Mana – mana jawapan yang munasabah diterima</td><td>2 isi x 2 M<br>= 4 M</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Dua perbezaan antara korban dengan akikah<br><table><tr><th>KORBAN</th><th>AKIKAH</th></tr><tr><td>Dilakukan pada hari Raya Aidil Adha dan hari – hari tasyrik</td><td>Dilakukan pada bila – bila masa</td></tr><tr><td>Mendekatkan diri kepada Allah atau mengenang kembali peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim a.s</td><td>Menyatakan kesyukuran atas kelahiran anak</td></tr><tr><td>Sunat disedekahkan daging dalam keadaan mentah</td><td>Sunat disedekahkan daging dalam keadaan dimasak</td></tr><tr><td>Bilangan binatang korban tidak ditentukan</td><td>Bilangan afdhal ialah 2 ekor kambing kambing untuk anak lelaki dan seekor kambing untuk anak perempuan</td></tr><tr><td>Diharuskan mematahkan tulang binatang korban</td><td>Sunat tidak mematahkan tulang binatang akikah kecuali pada bahagian sendinya</td></tr></table></td><td>4 isi x 1M<br>= 4 M</td></tr>
</table>



CamScanner

| | |
|---|---|
| Dituntut kepada semua orang yang berkemampuan | Dituntut kepada penjaga atau bapa kanak - kanak |

(c) Kewajaran isteri yang memohon pembubaran perkahwinan:

| KRITERIA | SKOR |
|---|---|
| Isi | 1 markah |
| Huraian | 1 markah |
| Huraian lengkap ( dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama' ) | 1 markah |
| Penerangan huraian lengkap | 1 markah |
| Kesimpulan ringkas | 1 markah |
| Kesimpulan lengkap ( Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan ) | 1 markah |

Contoh jawapan:

| KRITERIA | SKOR |
|---|---|
| **Wajar** isteri yang memohon pembubaran perkahwinan | 1 markah |
| kerana suami yang sakit dan tidak berupaya menjalankan tanggungjawabnya. | 1 markah |
| Dalam Islam, isteri dibenarkan/diharuskan bercerai sekiranya perkahwinan itu membahayakan diri dan agamanya. | 1 markah |
| Ini menunjukkan Islam berlaku adil dan tidak membebankan para isteri sekiranya mereka tidak mampu untuk meneruskan perkahwinan lagi. | 1 markah |
| Oleh itu,isteri yang tidak mendapat haknya dalam perkahwinan boleh memohon pembubaran perkahwinan | 1 markah |
| Supaya dapat membina kehidupan yang aman dan harmoni di masa akan datang. | 1 markah |

6 isi x 1M = 6 M



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | <table><tr><th>KRITERIA</th><th>SKOR</th></tr><tr><td>**Tidak wajar** isteri yang memohon pembubaran perkahwinan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>kerana isteri perlu berkorban menjaga suami ketika susah dan ia akan mendapat pahala atas pengorbananya.</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Dalam hadith Rasulullah S.A.W yang bermaksud “Mana-mana isteri yang meminta cerai dari suaminya tanpa ada desakan, haram ke atasnya mencium bau syurga”</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Hadith ini menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W melarang untuk para isteri meminta cerai dari suaminya dan perlu bersabar dengan ujian yang menimpa.</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Oleh itu, para isteri perlulah memahami konsep perkahwinan sebenar</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>yang memerlukan pengorbanan, kesabaran dan menerima takdir serta tidak mementingkan diri dalam menjamin keharmonian rumahtangga.</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Mana – mana jawapan munasabah diterima | |
| | (d) | (i) | Hukum dan alasan:<br>Hukum: Sunat<br>Alasan : kerana isterinya tidak menjaga maruah diri | Hukum:1M<br>Alasan:1M |
| | | (ii) | Hukum: Haram<br>Alasan : kerana memanjangkan tempoh iddah | Hukum:1M<br>Alasan:1M<br>(salah hukum: 0 M ) |



CamScanner

**PERATURAN PEMARKAHAN**
**BAHAGIAN C**

| NO. SOALAN | | | SKEMA | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | Persepakatan ulama' mujtahidin daripada umat Nabi Muhammad S.A.W/ pada suatu masa terhadap sesuatu hukum syarak/ selepas kewafatan baginda s.a.w<br>* Wajib ada perkataan persepakatan | 2 isi x 1 M = 2 M |
| | | (ii) | **Dua** bahagian ijma' beserta contoh:<br>▪ Ijma' As-sorih.Contohnya: Haram memakan memakan lemak khinzir seperti haram memakan dagingnya<br>▪ Ijma' As-Sukuti: Contohnya: Wajib mengerjakan haji sekali seumur hidup<br>*Mana-mana contoh yang bertepatan dengan kedua – dua ijma' diterima<br>*contoh sahaja tidak diterima | 2 isi x 2 M = 4 M |
| | (b) | | Usaha yang boleh dilakukan untuk menjadikan dalil ijma' sebagai panduan dalam kehidupan:<br>▪ Melakukan sesuatu ibadah dengan pengetahuan ilmu yang mencukupi/bagi mengelakkan ia dilakukan tanpa memenuhi rukun dan syarat<br>▪ Sentiasa merujuk fatwa – fatwa terkini berkaitan permasalahan – permasalahan baru /yang dihadapi dalam kehidupan<br>▪ Sentiasa meningkatkan tahap ilmu pengetahuan agama/bagi memastikan kehidupan diredhai Allah | 1 isi x 2 M = 2 M |
| | (c) | (i) | **Dua** jasa sumbangan khalifah Umar b. Abd. Aziz<br>▪ Memulangkan semua harta yang dirampas secara zalim oleh pemerintah dan pegawai – pegawai kerajaan sebelumnya<br>▪ Mengambil berat tentang kebajikan masyarakat dengan memerintahkan semua golongan yang miskin diberikan bantuan secukupnya<br>▪ Mengagihkan harta baitul mal secara meluas | 2 isi x 1M = 2 M |



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua** faktor yang menyokong kepada kegemilangan tamadun Islam pada zaman Bani Umayyah:<br>▪ Mengamalkan syura dalam pentadbiran hal ehwal negara/ bagi menjamin kemaslahatan rakyat dapat ditegakkan.<br>▪ Kebebasan bersuara / yang diberikan oleh khalifah kepada rakyat.<br>▪ Menguatkan pertahanan negara Islam dari aspek ketenteraan/seperti menaikan gaji tentera dan memastikan kebajikan mereka terpelihara<br>▪ Menjaga kebajikan rakyat dan membanteras kemiskinan/dengan memperuntukkan bantuan khas bagi setiap individu miskin.<br>▪ Menggalakkan aktiviti pertanian dengan menguasahakan tanah-tanah kerajaan yang subur.<br>▪ Menggalakkan perkembangan aktiviti perniagaan dengan menyediakan kemudahan kepada peniaga-peniaga dan meluaskan jaringan mereka.<br>▪ Memberikan tumpuan dalam teknologi pembuatan kapal perang dan kapal perniagaan. | 2 isi x 2M<br>= 4 M |
| | (d) | | **Dua** kesan penubuhan Mahkamah Syariah :<br>▪ Undang – undang Islam dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan<br>▪ Isu – isu berkaitan dengan jenayah syariah dapat diselesaikan<br>▪ Menyusun atur dan menyelaraskan isu – isu kekeluargaan Islam | 2 isi x 1 M<br>=2 M |
| | (e) | | Hubungkait:<br><br>**KRITERIA** — **SKOR**<br>Isi 1 — 1 markah<br>Isi 2 — 1 markah<br>Huraian lengkap ( dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama' ) — 1 markah<br>Kesimpulan lengkap ( Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan ) — 1 markah | 4 isi x 1 M<br>= 4 M |

| KRITERIA | SKOR |
|---|---|
| Isi 1 | 1 markah |
| Isi 2 | 1 markah |
| Huraian lengkap ( dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama' ) | 1 markah |
| Kesimpulan lengkap ( Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan ) | 1 markah |



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Contoh jawapan<br><br>**KRITERIA** / **SKOR**<br>Maklumat 1 menerangkan akta kesalahan jenayah syariah berkaitan mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain dari agama Islam dalam kalangan orang Islam adalah suatu kesalahan — 1 markah<br>Manakala maklumat 2 menerangkan usaha yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membanteras ajaran yang bercanggah dengan akidah Islam — 1 markah<br>Umat Islam disarankan agar sentiasa merujuk kepada autoriti agama bagi mengenal pasti dan menangkis anasir-anasir mengelirukan dari segi akidah, syariah, dan pemikiran yang memesongkan akidah — 1 markah<br>Kesimpulannya, kedua – dua maklumat mempunyai perkaitan antara antara satu sama lain yang menerangkan tentang usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa bagi memastikan umat Islam sentiasa beramal dengan ajaran Islam yang sebenar. — 1 markah<br><br>Mana – mana jawapan yang munasabah diterima | 4 isi x 1 M<br>= 4 M |

| NO. SOALAN | | | SKEMA | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 5 | (a) | | **Dua** aspek yang terkandung dalam hukum kanun Melaka<br>▪ Undang-undang perkahwinan<br>▪ Undang-undang muamalat<br>▪ Undang-undang acara keterangan<br>▪ Undang-undang jenayah | 2 isi x 1 M<br>= 2 M |



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | | **Dua** kesan penjajahan barat terhadap pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia<br>▪ Sistem perundangan barat telah digunakan sepenuhnya/ dalam mahkamah sivil<br>▪ Undang – undang barat mempengaruhi sistem kehakiman/dengan diwujudkan enakmen undang – undang sivil<br>▪ Bidang kuasa raja – raja Melayu sudah dihadkan dalam perundangan Islam/dengan termeterainya Perjanjian Pangkor 1874.<br>▪ Bidang kuasa mahkamah Syariah telah dibataskan/oleh undang – undang persekutuan<br>▪ Wujud dualisme dalam sistem perundangan di Malaysia/ iaitu Mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah | 2 isi x 2 M = 4 M |
| | (c) | | **Tiga** usaha dan tindakan yang boleh dilakukan ke arah memperkukuhkan sistem pengurusan pentadbiran sesebuah negara Islam<br>▪ Melantik pemimpin yang mempunyai ilmu agama yang cukup/supaya berakhlak baik serta berintegriti<br>▪ Mengamalkan sistem syura dalam membuat keputusan/terutamanya jika melibatkan kepentingan awam<br>▪ Menasihati pemimpin secara baik dan berhikmah/bagi membantu mereka menguruskan negara dengan ikhlas<br>▪ Tidak menyebarkan berita – berita yang belum pasti dan fitnah/sehingga boleh mengakibatkan huru hara dalam masyarakat<br>▪ Mana – mana jawapan yang munasabah diterima | 3 isi x 2 M = 6 M |



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (d) | | **Dua** bahagian nasakh dari aspek hukum ganti:<br>▪ **Nasakh kepada hukum yang lebih ringan :**<br>Nasakh hukum iddah wanita kematian suami daripada setahun kepada empat bulan sepuluh hari<br>▪ **Nasakh kepada hukum yang sama berat:**<br>Nasakh hukum menghadap Baitul maqdis kepada menghadap kaabah sebagai qiblat umat Islam<br>▪ **Nasakh kepada hukum yang lebih berat :**<br>Hukum arak asal dihalalkan kemudian di nasakhkan menjadi haram | 2 isi x 2 M<br>= 4 M |
| | (e) | | Nasakh :<br>▪ Nasakh Al-Quran dengan Al-Quran<br>▪ Ayat al-Quran pertama menjelaskan ‘iddah isteri yang kematian suami ialah setahun.<br>▪ Hukum iddah setahun dalam ayat al-Quran pertama telah dinasakhkan dengan ayat Al-Quran yang lain<br>▪ yang menerangkan i’ddah isteri yang kematian suami ialah 4 bulan 10 hari. | 4 isi x 1M<br>= 4 M |



CamScanner